

36 – Berkenaan harus berbilang isteri

- (An Nisaa': 3) فَانْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً
- Islam mengharuskan kepada para lelaki untuk memiliki beberapa orang isteri.

Soalan

- Ia bercanggah dengan syariat asal Allah pada permulaan kejadian manusia lagi.
- Bercanggah dengan fitrah manusia.

Jawapan

- ✓ Ada situasi tertentu yang menyebabkan berbilang isteri itu tidak dapat dielakkan.
- ✓ Kelonggaran yang diberikan pula bersyarat dan terdapat pula celaan-celaan kepada mereka yang melanggar syarat tersebut.
- ✓ Kemampuan tersebut tidak dimiliki oleh semua lelaki.

37 – Berkenaan penghapusan dosa oleh Allah

- إِنَّ تَحْتَبُّوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ (An Nisaa': 31)
- الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ (An Najm: 32)
- Dosa-dosa kecil akan terhapus kalau dosa-dosa besar di jauhi.

Soalan

- Adakah boleh diterima akal, Allah ataupun hakim mengampunkan ataupun melepaskan pencuri daripada kesalahan mencuri kerana dia tidak membunuh?
- Tuhan yang Maha Adil tidak akan membiarkan kesalahan walaupun sekecil zarah berlalu begitu sahaja tanpa apa-apa balasan terhadapnya.

Jawapan

- ✓ Allah Maha Mengetahui kelemahan manusia. Mereka tidak terkecuali daripada kesilapan dan dosa.
- ✓ Manusia diberi nafsu dan sentiasa digoda oleh syaitan.
- ✓ Walaubagaimana pun mereka tetap memelihara diri kerana ingatkan pesanan Allah dan Rasulnya.
- ✓ Dengan keadaan mereka yang demikian, amatlah tidak adil untuk menghukum atas setiap kesalahan mereka.
- ✓ Disamping Allah itu Maha adil, Dia juga Maha Pengampun, Maha Menerima Taubat dan Maha Mengasihani. Kasih sayangNya juga mengalahkan kemurkaanNya.

38 – Solat jumaat daripada syariat jahiliyyah?

- يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ (Al Jumu'ah: 9)
- Allah memerintahkan orang-orang mu'min solat jumaat melalui firmanNya diatas.

Soalan

- Hari jumaat dahulunya dikenali ebagai Hari 'Arubah. Orang yang menamakannya sebagai hari jumaat ialah Ka'ab bin Lu'ay, salah seorang nenek moyang Quraish, 10 tahun sebelum kelahiran Nabi S.a.W.
- Hari jumaat berasal daripada Arab Jahiliyyah, bukan daripada wahyu dari langit.

Jawapan

- ✓ Orang Islam tidak mendakwa nama hari jumaat itu adalah wahyu daripada langit.
- ✓ Al Quran juga tidak menamakannya hari jumaat.
- ✓ Cuma pada hari jumaat itu, Allah mensyariatkan padanya solat jumaat.
- ✓ Cerita orang-orang Islam mahukan satu acara untuk berhimpun pada hari jumaat sebagaimana penganut agama lain berhimpun pada hari sabtu dan ahad adalah tidak berasas.

39 – Asal ucapan takbir

- وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وِليٌّ مِّنَ الدُّنْيَا وَكَبِّرَهُ تَكْبِيرًا
(Al Israa': 111)
- Takbir ialah mengucapkan Allahuakbar.
- Ia berkaitan dengan membesarkan Allah.

Soalan

- Arab Jahiliyyah dahulu bertakbir dengan menyebut Allahuakbar.
- Disebutkan didalam kitab-kitab tafsir dan sirah bahawa daruk Nabi s.a.w pernah bertakbir, dan diikuti oleh kaum Quraish.
- Arab Jahiliyyah memang percaya kepada Allah, cuma mereka menambahkan sekutu bagi Allah.

Jawapan

- ✓ Arab Jahiliyyah mempercayai adanya Tuhan lain selain Allah itu benar, dan ia disebutkan oleh Al Quran.
- ✓ Tidak semua riwayat yang terdapat didalam kitab hadis atau sirah itu soheh. Riwayat berkaitan masalah ini tidak soheh.
- ✓ Arab Jahiliyyah bertakbir memuji Allah seperti mana kita fahami sekarang adalah tidak benar.

40 – Jin wujud atau tidak?

- وَيُجْرِكُمْ مِّنْ عَذَابٍ وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفْرًا مِّنَ الْجِنَّ يَاسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ (Al Ahqaf: 29-31) hingga kepada firmanNya
- Al Quran menceritakan berkenaan alam jin, sekumpulan jin mendengar Al Quran daripada Rasulullah s.a.w, mereka beriman dan memeluk Islam.

Soalan

- Alam ghaib ada dua sahaja, iaitu malaikat atau syaitan.
- Kenapa jin mendengar Al Quran sahaja? Bagaimana dengan Taurat dan Injil?
- Kenapa di sebut *Selepas Musa*? Sedangkan Injil lebih dekat dengan Al Quran?

Jawapan

- ✓ Iblis (syaitan) dan jin adalah daripada kejadian yang sama وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ (Al Hijr: 27).
- ✓ Iblis yang berasal daripada jin juga dipanggil syaitan kerana kekufuran dan keingkaran وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ (Al An'aam: 112)
- ✓ Sebagaimana rasul diutuskan kepada manusia, rasul juga diutuskan kepada jin وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ (Ibrahim: 4). FirmanNya lagi يَمْعَشَرُ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِنْكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَاتِي (Al An'aam: 130)
- ✓ Jin mendengar Al quran dan menerima Nabi s.a.w kerana ia diutuskan untuk semua وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَمْعَشَرُ الْجِنَّ قَدْ اسْتَكْثَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ (Al An'aam: 128)

- ✓ Jin tidak beriman dengan Taurat dan Injil kerana mereka tidak diperintahkan berbuat demikian.
- ✓ Walaupun jin tidak diperintahkan beriman dengan Nabi Musa dan Taurat, tetapi mereka tahu berkenaan Nabi s.a.w daripada Nabi Musa dan Taurat.